

Singapura perkenal aplikasi semak tahap kesihatan menerusi telefon

Februari 24, 2021 @ 12:12pm



SINGAPURA: Selari dengan amalan kesihatan norma baharu, syarikat pemula kesihatan Singapura, Nervotec membangunkan aplikasi telefon pintar yang menurut sebuah syarikat pembinaan, Kajima sebagai lapisan pertama saringan kesihatan bagi mengelak penularan COVID-19 di negara itu.

Singapura mengambil langkah waspada memandangkan pada tahun lalu kerajaan terpaksa menangani beberapa siri kluster COVID-19 membabitkan pekerja asing yang tinggal di asrama.

Melalui aplikasi itu, ia mengesan tahap kesihatan termasuk kadar denyutan jantung dengan mengkaji pantulan cahaya dari kulit pengguna mengikut aliran darah.

Kakitangan Kajima di pelbagai tapak binaan menggunakan aplikasi ini sejak Disember tahun lalu yang menjadi sebahagian daripada program kerajaan untuk

menyediakan saringan awal berdasarkan teknologi sebagai usaha membantu sektor itu mengadaptasikan norma baharu dalam era pandemik ini.

Setiap pagi sebelum bergerak ke tempat kerja, pekerja pembinaan, Gunasekar Udayakumar, 41, cuma menggunakan aplikasi itu bagi melakukan saringan kesihatan tanpa perlu ke klinik.

Apa yang diperlukan hanya telefon pintar yang dapat mengenal pasti dalam tempoh 45 saat, kadar denyutan jantung, oksigen dan tahap tekanan.

Aplikasi berkenaan turut memberitahu sekiranya ada keperluan untuk pengguna berjumpa doktor bagi mendapatkan rawatan lanjut.

Dalam perkembangan berkaitan, pengasas Nervotec, Jonathan Lau, berkata kerajaan Singapura menunjukkan minat yang sangat tinggi terhadap teknologi itu.

"Kami melihat daya tarikan kini tertumpu dan datang dari penyedia perkhidmatan kesihatan, sama ada swasta dan awam," katanya.

Lau berkata, idea dan inspirasi menghasilkan aplikasi itu diilhamkan daripada pengalamannya sebagai juruterbang tentera udara yang mewajibkannya melakukan saringan kesihatan dengan kerap.

Dia kemudiannya mengasaskan syarikat yang menggunakan alatan teknologi bagi memantau kesihatan juruterbang.

Bagaimanapun, selepas berlaku pandemik COVID-19, Lau meluaskan lagi fokusnya dalam bidang ini.

Dalam pada itu, menurut pengarah Institut Inovasi Kesihatan dan Teknologi, Universiti Nasional Singapura, Chwee Teck Lim, aplikasi berkenaan yang masih dalam proses penelitian boleh memberikan impak yang besar jika ia diluluskan pihak berkuasa.

"Apa yang dicadangkan oleh Nervotec berpotensi membawa satu perubahan besar," katanya. - AGENSI